

CNS1206

U GB 22-01 00140 BA630

AAB

Mahathir - Bosnia

MAJLIS KESELAMATAN PBB PERLU SEDIA BERTINDAK DI BOSNIA

I

KUALA LUMPUR, 22 Jan (Bernama) -- Mailis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu kini perlu bersedia menggunakan kekerasan, jika perlu, bagi memaksa pihak penceroboh di Bosnia-Herzegovina mematuhi beberapa syarat kritikal tertentu, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, antara syarat kritikal itu ialah menghentikan kepungan ke atas Sarajevo dengan melenyap atau memindahkan senjata berat puak Serb di sekeliling bandar itu dan membuka Lapangan Terbang Tuzla bagi membolehkan makanan, ubat-ubatan dan keperluan lain samapai ke bandar-bandar utama di sekitarnya.

"Semua pihak yang terbabit perlu membenarkan, dengan menggunakan kekerasan jika perlu, pengaliran bantuan kemanusiaan tanpa halangan," kata Perdana Menteri ketika berucap pada Persidangan Anggota-anggota Parlimen Antarabangsa mengenai Bosnia-Herzegovina di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini, hari ini.

"Tindakan ini perlu terutama bagi menyelamatkan nyawa yang tidak berdosa semasa musim sejuk," katanya dalam ucapan dasar setebal sembilan muka-surat kepada lebih 180 orang Anggota Parlimen dari lebih 30 buah negara yang menghadiri persidangan dua hari itu. -- Lagi.

▼22/01/12-11MST

U GB 22-01 00134 BA633

AAB

Mahathir - Bosnia 2 Kuala Lumpur

Yang turut hadir pada persidangan itu ialah Presiden Bosnia, Alija Izetbegovic.

Dr Mahathir berkata, Sarajevo masih dikepung sehingga hari ini, dikelilingi meriam puak Serb yang mampu menghamburkan 800 butir peluru meriam setiap hari, walaupun negara Barat sudah lima kali mengugut untuk melancarkan serangan udara terhadap Serb.

"Dan buat kali kelima puak Serb tidak mempedulikan mereka yang dianggap sebagai kuasa-kuasa besar itu. Sudah tentu, tiada serangan udara yang dilancarkan," katanya.

"Dan dengan itu mereka akan terus memperkosa dan membunuh dengan penuh keyakinan bahawa mereka bukan sahaja akan terlepas daripada dikenakan hukuman malah sebenarnya mereka akan diberi ganjaran," katanya.

Ini kerana dunia yang dikatakan bertamadun itu tidak bersedia menghentikan keganasan puak Serb walaupun ia mengejutkan mereka, katanya. -- Lagi.

▼22/01/13-11MST

CNS1241

U GB 22-01 00135 BA634

AAB

Mahathir - Bosnia 3 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, Amerika menyalahkan Britain dan Perancis kerana menghalang serangan udara terhadap puak Serb itu.

Katanya, bagaimanapun, beberapa sumber atasan Britain dan Perancis memberitahunya bahawa Amerika Syarikatlah yang menentang tindakan ketenteraan itu.

"Saya sebenarnya tidak tahu siapakah yang patut dipercayai," katanya dan menambah kata bahawa beliau mengesyaki Amerika dan negara Eropah sama-sama tidak mengambil berat untuk bertindak kerana mereka tidak mahu membahayakan nyawa anggota tentera mereka untuk sesuatu yang tidak begitu penting kepada kehidupan mereka sendiri.

Dr Mahathir berkata, yang jelas ialah tiada sesiapa pun yang bersetuju dengan tindakan puak Serb itu.

"Bagaimanapun, kerajaan Barat tetap berdegil dan tidak mahu melihat kesalahan terhadap pencabulan secara borong hak asasi manusia yang dilakukan puak Serb di Bosnia-Herzegovina," katanya. -- Lagi.

▼22/01/13-26MST

CNS1251

U GB 22-01 00156 BA637

AAB

Mahathir - Bosnia 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Oleh itu, Dr Mahathir berkata, terpulanglah kepada Anggota-anggota Parlimen untuk menyedarkan masyarakat serta kerajaan mereka daripada lena.

Mereka harus meminta kerajaan masing-masing meletakkan isu Bosnia-Herzegovina paling atas dalam agenda antarabangsa negara mereka dan menggesa diadakan perbincangan yang bermakna bertujuan bagi mencapai penyelesaian yang berpanjangan lagi adil, katanya.

"Tunjukkanlah hak anda sebagai anggota PBB untuk mendesak Majlis Keselamatan agar bertindak tegas menamatkan penderitaan rakyat Bosnia dan mengembalikan keamanan di negara itu," katanya.

Untuk berbuat demikian, mereka terlebih dahulu harus mendesak Majlis Keselamatan PBB melaksanakan beberapa resolusi mengenai Bosnia-Herzegovina yang telah diluluskan majlis berkenaan.

"Perkara kedua yang perlu anda lakukan ialah menggesa Majlis Keselamatan meneliti proses Geneva dan oleh kerana terdapat persetujuan yang luas bahawa perundingan Geneva tidak boleh diteruskan seperti dahulu, rebutlah peluang ini untuk mengadakan persidangan antarabangsa yang baru mengenai Bosnia-Herzegovina," katanya. -- Bernama.

AH ZU KAM.

▼22/01/13-41MST